



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 57
Bil. 11

20hb Mei 2004

TAMBAHAN
No. 2

ORDINAN KUMPULAN WANG PERUSAHAAN GETAH (PENANAMAN SEMULA) 1952 (Bil. 8 tahun 1952)

No. 497.

PERATURAN-PERATURAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN
PEKEBUN KECIL (SKIM NO. 6) 1981

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh peraturan 8 Peraturan-Peraturan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil (Skim No. 6) 1981 [P.U.(B) 430/81], saya, Ahmad bin Haji Hamid, Pengarah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah Negeri dengan ini memberi notis bahawa “Daftar Permohonan-Permohonan untuk Bantuan-Bantuan Tanam Semula Kebun-Kebun Kecil Getah” bagi tahun 2005 adalah dibuka mulai dari 1 Januari 2004 dan ditutup pada 31 Disember 2005.

2. Tiap-tiap permohonan hendaklah dibuat dalam borang yang boleh didapati daripada pejabat-pejabat berikut:

- (i) Pejabat RISDA Negeri di Ipoh;
- (ii) Pejabat RISDA Daerah di Sitiawan, Taiping, Tapah, Gerik dan Kuala Kangsar; dan
- (iii) dari Pegawai Luar RISDA.

3. Mana-mana permohonan yang tidak dibuat dalam borang yang ditetapkan atau yang tidak diterima dalam tempoh yang ditetapkan atau tidak dibuat berkenaan dengan sesuatu kebun kecil yang didaftarkan di bawah peraturan 7 Peraturan-Peraturan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil (Skim No. 6) 1981, boleh dikembalikan kepada pemohon-pemohon sebagai permohonan-permohonan yang tidak boleh diterima.

Bertarikh 8 April 2004.

[PSUK.PK.(BPK) 1A 355/9/6 (53);
PU.PK. 67/71-15 B (1).]

AHMAD BIN HAJI HAMID
Pengarah RISDA Negeri,
Perak

RUBBER INDUSTRY (REPLANTING) FUND
ORDINANCE 1952
(No. 8 of 1952)

RUBBER INDUSTRY SMALLHOLDERS DEVELOPMENT AUTHORITY
(SCHEME NO. 6) REGULATIONS 1981

IN exercise of the powers conferred by paragraph 8 of the Rubber Industry Smallholders Development Authority (Scheme No. 6) Regulations 1981 [*P.U. (B) 430/81*], I, Ahmad bin Haji Hamid, Director of the State Rubber Industry Smallholders Development Authority hereby give notice that "The Register of Applications for Grants for the Replanting of Rubber Smallholdings" for the year 2005 shall be opened from 1 January 2004 and shall be closed on 31 December 2005.

2. Every application shall be made in such form obtainable from the following offices:

- (i) State RISDA office at Ipoh;
- (ii) District RISDA office at Sitiawan, Taiping, Tapah, Gerik and Kuala Kangsar; and
- (iii) from RISDA Field Officer.

3. Any application which is not made in the prescribed form or is not received within the prescribed period or is not made in respect of a smallholding registered under paragraph 7 of the Rubber Industry Smallholders Development Authority (Scheme No. 6) Regulations 1981, may be returned to the applicants as an inadmissible application.

Dated 8 April 2004.

[PSUK.PK.(BPK) 1A 355/9/6 (53);
PU.PK. 67/71-15 B (1).]

AHMAD BIN HAJI HAMID
Pengarah RISDA Negeri,
Perak

No. 498.**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 4(2)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Pihak Berkuasa Negeri, dengan berunding dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Majlis Daerah Hilir Perak, dengan ini memberi taraf Perbandaran kepada Majlis Daerah Hilir Perak dan hendaklah digelar “Majlis Perbandaran Teluk Intan” mulai 23 April 2003.

Bertarikh 14 Mei 2004.

[PSUK.Pk. (KT-AM) 556; PU.PK. 5/2004;

HAJI SHARAI DIN BIN TAKIN

Setiausaha,

Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Perak**LOCAL GOVERNMENT ACT 1976**

NOTIFICATION UNDER SUBSECTION 4(2)

IN exercise of the powers conferred by subsection 4(2) of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the State Authority, in consultation with the Minister of Housing and Local Government and the Hilir Perak District Council, hereby confer the status of a Municipality to the Hilir Perak District Council and shall be styled “Teluk Intan Municipal Council” with effect from 23 April 2003.

Dated 14 May 2004.

[PSUK.Pk. (KT-AM) 556; PU.PK. 5/2004;

HAJI SHARAI DIN BIN TAKIN

Secretary,

State Executive Council,
PerakHakcipta Pencetak **PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

PNMB